



ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN INOVASI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (AKIPP) 2022

SYARAT DAN PERATURAN ANUGERAH SULAM

DEFINISI SULAM

SULAM adalah singkatan bagi *Service-Learning Malaysia – University for Society*. Ia adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang menggabungkan hasil pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti di mana nilai kredit dan jam pelaksanaan khidmat komuniti itu dikira dalam jumlah jam pelajar belajar bagi kursus yang berkaitan di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

OBJEKTIF ANUGERAH

Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf kursus yang telah melaksanakan aktiviti yang dapat memenuhi keperluan komuniti dengan menggunakan pendekatan “pembelajaran-berasaskan perkhidmatan” (*service learning*).

SYARAT PERMOHONAN

1. Permohonan terbuka kepada individu / kumpulan individu*.
2. Hanya satu (1) penyertaan setiap individu / kumpulan individu.
3. Aktiviti SULAM yang dicalonkan tidak pernah memenangi anugerah ini sebelum ini.

*Ahli kumpulan tidak boleh terdiri daripada ahli Jawatankuasa Penilai AKIPP 2022

KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan akan dinilai berdasarkan aspek-aspek berikut:

- i. Rasional;
- ii. Perincian;
- iii. Impak/keberkesanan projek

Rasional Projek (20%)	<ul style="list-style-type: none">• Apakah isu di komuniti yang ingin ditangani?• Apakah objektif projek / inisiatif ini?
Perincian Projek (40%)	<ul style="list-style-type: none">• Apakah bentuk projek / inisiatif SULAM yang telah dilaksanakan?• Apakah bentuk kreativiti dan inovasi yang diketengahkan?• Adakah projek / inisiatif ini melibatkan koleborasi bersama pihak industri, agensi dan / atau NGO?
Impak/Keberkesanan Projek (40%)	<ul style="list-style-type: none">• Apakah kesan projek / inisiatif tersebut ke atas pembelajaran pelajar? (dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap)• Apakah bentuk manfaat yang diterima oleh komuniti yang telah dikenalpasti?